

CHOGRM - MAHATHIR

DARI IDZAN ISMAIL

1982

SUVA, FIJI, 15 OKT. (BERNAMA) -- MALAYSIA HARI INI MEMBIDAS NEGARA-NEGARA MAJU BAHAWA KEGIATAN MENGEKSPLOITASI YANG MEREKA LAKUKAN DENGAN BERSELINDUNG DIBAWAH SISTEM DAGANGAN BEBAS AKAN MEMUSNAHKAN MEREKA SENDIRI.

PERDANA MENTERI DATUK BERI DR. MAHATHIR MOHAMAD BERKATA BAHAWA OLEH KERANAPERKATAAN 'BEBAS' ITU, TERDAPAT NEGERA-NEGARA MAJU DALAM BIDANG INDUSTRI YANG MERASAKAN MEREKA BEBAS UNTUK MENELAN BULAT-BULAT NEGARA-NEGARA MEMBANGUN DENGAN CARA DAN AMALAN EKSPLOITASI.

MENDAHULUI PERBINCANGAN MENGENAI ISU KERJABAMA EKONOMIK DAN PRAKTIK SERANTAU DI PERSIDANGAN SERANTAU KETUA-KETUA KERAJAAN KOMANWEL (CHOGRM) DI SINI, BELIAU KESAL K KERANA NEGARA-NEGARA BERKENAAN TIDAK SEDAR BAHAWA KEGIATAN BEWENANG-MENANGNYA ITU AKAN MEMBAWA KEPADA PENUSNAHAN SISTEM DAGANGAN BEBAS ITU SENDIRI.

MENGULAS TENTANG KEKECOHAN EKONOMI DUNIA, PERDANA MENTERI BERKATA: +SAYA RASA MASIH TERDAPAT PEMIKIRAN YANG BERLANJUTAN DALAM SISTEM DAGANGAN BEBAS BAHAWA DENGAN ADANYA PERKATAAN BEBAS ITU, TERDAPAT NEGARA-NEGARA MAJU YANG MERASA BENAR-BENAR BEBAS MENINDAS NEGARA-NEGARA MEMBANGUN. -- LAGI 1135/PA

CHOGRM - MAHATHIR 2 SUVA (FIJI)

DENGAN PENDIRIAN TEGAS TERHADAP NEGARA-NEGARA BARAT DAN TANPA BERLEMAH LEMBUT, DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA: +NASIHAT KITA TERHADAP NEGARA-NEGARA INI SEPATUTNYA IALAH MEREKA HENDAKKAN KURANG BERCAKAP TENTANG SIKAP MURAH HATI UNTUK MENGHULURKAN BANTUAN KEPADA NEGARA-NEGARA MISKIN DAN SEBALIKNYA MENILITI DIRI SENDIRI DENGAN TUJUAN MENINGKATKAN DAYA PENGELUARAN MEREKA SENDIRI TANPA MENGGUNAKAN TEKNIK MENGEKSPLOITASI+.

BELIAU PERCAYA HANYA CARA INI MEREKA AKAN MULA MENGHARGAI DENGAN JUJUR MASALAH-MASALAH YANG DIHADAPI OLEH NEGARA-NEGARA MISKIN DAN PERLU DISELESAIKAN DENGAN SECEPAT MUNGKIN.

PERDANA MENTERI MENYERU CHOGRM SUPAYA MENGHANTAR 'UTUSAN AMAT PENTING INI' KEPADA NEGARA-NEGARA MAJU DALAM LINGKUNGAN KOMENWEL DAN JUGA YANG DILUARNYA.

BELIAU BERKATA CHOGRM YANG SEKARANG TERDIRI DARIPADA NEGARA-NEGARA YANG DAHULUNYA DITAKLUK OLEH KUASA ABING SEPATUTNYA MENEKANKAN HAKIKAT KEPADA NEGARA-NEGARA MAJU BAHAWA AMALAN MENGEKSPLOITASI DENGAN BERLINDUNG DIBAWAH SISTEM DAGANGAN BEBAS ITU AKAN MEMUSNAHKAN DIRI SENDIRI.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENEGASKAN BAHAWA SEHINGGA AKHIR-AKHIR INI, DAYA PENGELUARAN NEGARA-NEGARA MAJU DAPAT DIPERTAHANKAN WALAUPUN DILANDA DENGAN MASALAH BURUH DAN PEMOGOKAN BEMATA-MATA KERANA MEREKA MEMPUNYAI JAJAHAN UNTUK BERGANTUNG.
--LAGI 1200/PA

CHOGRM - MAHATHIR 3 SUVA (FIJI)

KATANYA, +TETAPI SEKARANG KERANA MEREKA TIDAK MEMPUNYAI KOLONI-KOLONI DAN KAWASAN-KAWASAN BERPENGARUH, NEGARA-NEGARA MAJU TIDAK BOLEH MEMPERTAHANKAN PERKEMBANGAN EKONOMI MEREKA YANG DISEGANI SATU KETIKA DULU+.

MENURUT DATUK SERI DR. MAHATHIR, INI SANGAT NYATA APABILA PARA PEKERJA TIDAK LAGI SEDIA BERKERJA LEBIH HAD MASA DALAM SEHARI ATAU SEMINGGU.

BELIAU BERKATA ADALAH PERKARA BIASA SEKARANG SEKIRANYA ADA NEGARA-NEGARA BERKENAAN YANG TIDAK MENCATAT SEBARANG KADAR PERKEMBANGAN DAN MALAHAN ADA YANG MENJADI LEBIH MUNDUR.

TENTANG KOMENWEL, PERDANA MENTERI BERKATA SEBALIKNYA KITA MUNGKIN BERSIKAP TIDAK APA SEKIRANYA KITA ENGGAN MENGAKUI BAHAWA DALAM TAHUN-TAHUN KEBELAKANGAN INI, KUASA KOMENWEL TELAH MENJADI BERKURANGAN.+

+ADALAH AMAT SEDIH BAHAWA KEADAAN INI TELAH IMBUL AKIBAT TINDAKAN ATAU KURANG TINDAKAN PENERAK-PENERAK UTAMA DALAM KOMANWEL SENDIRI. KATANYA

CHOGRM - MAHATHIR 3 SUVA (FIJI)

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA ADALAH MENJADI HAKIKAT BAHAWA KOMANWEL SEDANG DIUJI SEKARANG.

BELIAU MENGESYORKAN BAHAWA SATU CARA UNTUK MENGHIDUPKAN SEMULA KOMANWEL IALAH MENERUSI KERJASAMA EKONOMIK DAN PRAKTIK DALAM RANTAU ASIA PASIFIK.

KATANYA, +SEKIRANYA NEGARA-NEGARA KOMANWEL RANTAU INI TIDAK DAPAT MENGHASILKAN KERJASAMA INI, PRESTASI KOMANWEL SENDIRI AKAN TERANCAM DAN NILAI SERTA NILAI KOMENWEL AKAN DISOAL.+

-- BERNAMA 1245/PA